

09/08/2003

Komponen BN perlu elak sabotaj rakan: Dr Koh

Saufi Hamzah

GEORGETOWN: Semua parti komponen Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang diingatkan tidak mensabotaj antara satu sama lain ketika menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata sebagai ahli parti komponen yang matang dan berpegang kepada prinsip BN, perbuatan begitu adalah tidak beretika.

"Sekiranya perbuatan itu dilakukan, ia akan menjadi contoh yang negatif. Tujuan kita bukan rebut kerusi tapi memberikan khidmat terbaik untuk rakyat negeri ini," katanya pada sidang akhbar di pejabatnya, semalam.

Koh diminta mengulas tindakan melompat atau keluar parti di kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pulau Pinang ketika pilihan raya umum sebelum ini.

"Kalau kerusi asal milik MCA, kalau dia (Adun) lompat, saya cuba sabotaj kerana kalau kalah, saya boleh ambil kerusi itu, ini tidak betul nanti BN jadi tidak elok.

"Kalau ada ahli MCA yang masuk Gerakan, saya akan kata ya, kerusi itu perlu diberikan kepada MCA. Ini kerana saya berpegang kepada amalan dan prinsip BN.

"Sekiranya berlaku sebaliknya, maka prinsip dan amalannya adalah sama kerana ia sudah diamalkan sejak lewat 1980-an lagi," katanya.

Ketika ditanya mengenai hubungan di antara Gerakan dan MCA negeri waktu ini, katanya: "Lebih sihat dari dulu, masa 1999 mungkin agak hebat dan hangat, saya tidak nafikan."

Katanya, sejak beberapa bulan ini, hubungan antara kedua-dua parti itu lebih sihat dan matang.

Beliau berkata, dirinya sering mengingatkan semua parti komponen BN negeri bahawa tanggung jawab utama ialah terhadap rakyat yang memberi mandat untuk menerajui kerajaan.

Koh memberikan contoh membabitkan Michael Chen yang menyertai Gerakan dari MCA dan Khoo Boo Yeang dari Gerakan kepada MCA.

Pada 1982, kerusi Parlimen Hulu Selangor ketika itu kekal diisi calon MCA walaupun Ahli Parlimennya, Michael keluar MCA untuk menyertai Gerakan pada 1981.

Pada 1990 pula apabila kerusi DUN Tanjung Bunga yang diwakili Koh sebagai calon Gerakan selepas DUN terdahulu, Khoo menjadi ahli MCA pada 1988.

Sementara itu, Koh yang juga Naib Presiden Gerakan berkata, parti itu akan mengadakan perhimpunan perwakilan sempena perayaan ulang tahun ke-35 pada 22 hingga 24 Ogos ini di Kuala Lumpur.

"Perhimpunan ini amat bermakna kerana ia adalah kali terakhir Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan persidangan Parti Gerakan sebagai Presiden BN dan Perdana Menteri.

"Oleh itu, kami memang akan penuh dengan nostalgia dan perasaan kesyukuran terhadap sumbangan beliau," katanya.